

BAB 3

PENINGGALAN CANDI DI LEMBAH BUJANG

3.1 Pengenalan Candi

Istilah candi yang digunakan di Lembah Bujang adalah merujuk kepada kuil Hindu-Buddha yang digunakan oleh masyarakat Kedah Tua. Istilah ini merupakan suatu yang telah ditetapkan oleh peneliti awal untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dengan kuil Hindu-Buddha yang baru. Perkataan candi berasal daripada “*Candika*” iaitu salah satu daripada nama isteri dewa Siwa yang bernama Durga (ataupun dikenali sebagai Dewi Maut). Candi juga merupakan kependekan daripada *Candika-grha* atau rumah (kuil) untuk Dewi Candika. Daripada pengertian umum candi bermaksud :

“*Bangunan purba yang dibuat daripada batu (tempat orang Hindu atau Buddha menyembah berhala, menyimpan abu mayat dan lain-lain)*”¹

“*Cinandi berarti “dimakamkan” padahal arti harafiahnya adalah ‘di candikan’*”²

Bagi para sarjana pula, pengertian istilah “*Candi*” adalah lebih spesifik dan sehubungan dengan itu telah membahagikannya kepada dua kategori utama :

- i) Candi berperanan sebagai tempat untuk memuliakan orang yang telah mati terutamanya untuk raja, para pembesar ataupun golongan Brahman. Untuk tujuan tersebut abu jenazah golongan tersebut ditempatkan di tengah bangunan candi

¹ Hajah Noresah Bt. Baharom (Ketua Ed.) *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994, hlm. 207.

² Ayatrohaedi (ed), *Kamus istilah arkeologi 1*, Jakarta : Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1981, hlm. 20 .

sebagai penghormatan. Pada kebiasaannya bahagian di tempatkan abu jenazah tersebut ditempatkan di dalam cepu batu ataupun relikuari dan ditempatkan di bahagian *vimana* sesebuah candi.

ii) Candi berperanan sebagai tempat melakukan kegiatan / upacara yang ada kaitannya dengan unsur keagamaan sama ada untuk tujuan harian atau upacara keagamaan yang disambut secara tahunan.

Para sarjana yang berpendapat candi sebagai tempat untuk tujuan pemakaman adalah berdasarkan kepada hasil penyelidikan awal yang telah dilakukan oleh Ijerman di Candi Larajonggrang. Hasil daripada penelitian tersebut beliau telah menemukan sebuah peti batu yang berisi abu jenazah pada bahagian tengah candi (perigi candi).³ Sehubungan dengan hal tersebut R. Soekmono telah mengaitkan persamaannya dengan istilah *dharma*⁴ dan *sudharma*⁵ yang digunakan di dalam kitab Pararaton dan Negarakertagama sebagai “ dimakamkan abu jenazahnya dalam sebuah candi ”.⁶

Para sarjana yang berpegang kepada pendapat bahawa candi merupakan tempat untuk melakukan kegiatan keagamaan dan bukannya sebagai pemakaman juga berlandaskan kepada hasil artifak yang dijumpai di dalam cepu batu ataupun relikuari tidak kesemuanya terdapat abu jenazah tetapi yang lebih kerap dijumpai adalah barang berharga seperti patung yang diperbuat daripada logam, emas,

³ Staff Jurusan Arkeologi Jurusan Sastra dan Kebudayaan Universitas Gadjah Mada, *Beberapa catatan mengenai kepurbakalaan Indonesia*, Yogyakarta : Universiti Gadjah Mada, 1983, hlm. 33 .

⁴ *Dharma* daripada segi pengertian merupakan ikatan yang mengikat manusia zahir dan batin berhubung dengan hal-hal hukum, peraturan, ketertiban dan kewajipan keagamaan dan ianya menjadi pegangan dan garis panduan untuk menjalani kehidupan. Istilah Dharma dikenali di dalam ajaran Buddha dan Hindu.

⁵ *Sudharma* merupakan pelaksanaan yang dilaksanakan oleh seseorang penganut terhadap setiap ajaran yang telah ditetapkan. Di dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai “ *Practising Justice* ”.

⁶ R. Soekmono, *Candi, fungsi dan pengertiannya*, Desertasi Ph.d. Jakarta : Universiti Indonesia, 1974, hlm. 14.

batu permata dan disertai dengan saji-sajian. Peninggalan tersebut juga dikenali sebagai *peripih*. Bahan berharga tersebut sering dihubungkaitkan dengan pergabungan di antara roh para pembesar dengan dewa yang menjadi anutannya sewaktu hidup. Secara tidak langsung ianya adalah sebagai perlambangan jiwa raja dan roh para dewa.

“Benda-benda tersebut dinamakan peripih dan dianggap sebagai lambang zat-zat jasmaniah dari sang raja yang telah bersatu kembali dengan dewa penitisnya”⁷

Untuk beberapa kes di Asia Tenggara candi juga kerap dijadikan sebagai tempat untuk memperingati raja yang dianggap sebagai wakil tuhan untuk memerintah dunia. Di Indonesia khususnya pada bahagian tengah sesebuah candi (terutamanya di bahagian *vimana*) kerap diwujudkan patung raja yang telah meninggal dunia dengan bercirikan unsur-unsur kedewaan. Sebagai contohnya Raja Airlangga sewaktu kematiannya telah diwujudkan menunggang burung garuda yang merupakan *vahana* kepada Dewa Wisnu. Unsur yang sedemikian juga dikenali sebagai konsep *Dewaraja*.⁸ Di Indonesia berdasarkan kepada kajian para sarjana candi tidak berperanan sebagai tempat pemakaman tetapi lebih cenderung sebagai :

- i) Bangunan kuil (tempat kegiatan / upacara keagamaan)
- ii) Sebagai mata rantai perkembangan kebudayaan Indonesia sejak daripada zaman Pra-sejarah.⁹ (Untuk menunjukkan sebelum kemasukan pengaruh Hindu-Buddha di Indonesia telah ada budaya yang berkembang sendiri).

⁷ R. Soekmono, *Pengantar sejarah kebudayaan Indonesia II*, Yogyakarta : Penerbit Kanisius , 1973, hlm. 81.

⁸ M. Hutaurok, *Pelarian yang tidak punya apa-apa menjadi Maharaja*, Jakarta :Penerbitan Erlangga, 1988, hlm. 31.

⁹ Soekmono, *Candi, fungsi...*, hlm. 334 .

Di dalam ajaran Buddha, candi lebih ditekankan sebagai tempat untuk ibadah. Secara tidak langsung tidak ditemukan sebarang *peripih* untuk tujuan pemakaman secara khusus. Walau bagaimanapun abu jenazah daripada para *bhiksu* yang terkemuka sahaja ditempatkan di dalam stupa yang berbentuk separuh bulat yang berbentuk bujur. Abu jenazah para *bhiksu* ini juga tidak ditempatkan di tengah-tengah bangunan candi seperti kepercayaan ajaran Hindu melainkan pada stupa yang berada disekeliling bangunan candi dan juga yang berada di luar halaman *vimana*¹⁰ ataupun ada kalanya ditempatkan pada stupa yang berada di bahagian *vimana*. Keadaan ini bergantung kepada keutamaan dan darjat seseorang *bhiksu* tersebut .

Jika dilihat perkembangan candi di Asia Tenggara bentuknya dapat dibahagikan kepada dua kategori : Pertama adalah candi yang merupakan sebuah kompleks dengan diiringi oleh candi apit dan kedua adalah bangunan candi yang berdiri sendiri. Sementara bangunan candi yang berdiri sendiri masih dapat dibahagikan lagi kepada dua kategori iaitu candi yang hanya berdiri sebagai satu bangunan dan keduanya adalah candi yang terdapat pembahagian dua halaman iaitu *vimana* (yang merupakan bahagian suci). Di halaman ini dilakukan segala kegiatan yang berkaitan dengan hal-hal keagamaan dan ritual utama. Pada halaman ini juga ditempatkan objek yang dianggap suci seperti patung dewa, *lingga* dan juga *yoni*. Halaman yang menempatkan objek suci keagamaan hanya dapat dimasuki oleh golongan Brahman sahaja untuk menjaga kesuciannya. Sementara bahagian *mandapa*¹¹ (yang merupakan bahagian tidak suci) merupakan halaman di mana dilakukan kegiatan keagamaan separa suci. Di halaman ini biasanya merupakan tempat untuk setiap para penganut Hindu mempersiapkan dirinya sebelum memasuki halaman *vimana* untuk memulakan

¹⁰ *Vimana* merupakan bahagian bangunan candi yang paling suci sekali. Di halaman inilah segala kegiatan yang berhubungan dengan keagamaan dilaksanakan. Di samping itu di halaman *vimana* juga ditempatkan arca dewa .

¹¹ Halaman *mandapa* merupakan tempat di mana seseorang penganut Hindu membersihkan dirinya dan juga mengadakan persiapan sebelum memasuki halaman *vimana* untuk tujuan keagamaan.

upacara keagamaan. Di Lembah Bujang candi yang dijumpai setakat ini sememangnya terdapat bahagian *vimana* dan juga *mandapa*. Setiap daripada bahagian tersebut ada yang dihubungkan dengan tangga ataupun disambung secara langsung maupun tidak langsung. Jumlah tangga yang menghubungkan kedua-dua bahagian ini kebiasaannya mempunyai jumlah yang tidak sama (ganjil) sama ada tiga anak tangga, lima anak tangga dan seterusnya. Jumlah anak tangga tersebut kebiasaannya tidak melebihi daripada sembilan anak tangga. Jumlah anak tangga dalam jumlah yang ganjil mempunyai peranan sebagai mengusir roh jahat dan menyesatkan roh jahat daripada memasuki bangunan candi.

Berdasarkan kepada struktur bangunan candi secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama adalah bahagian kaki candi, keduanya bahagian badan candi dan ketiganya adalah bahagian atap candi. Bahagian kaki candi merupakan bahagian yang paling bawah sekali. Bahagian tubuh candi kebiasanya lebih tinggi daripada bahagian kaki candi. Di bahagian ini ditempatkan sebuah ruangan khusus untuk ditempatkan arca , *lingga* dan *yoni*. Bahagian tubuh candi juga merupakan halaman *vimana* . Di Lembah Bujang halaman ini juga ditemukan relikuari dengan jumlah enam buah yang mengelilingi halamannya. Bahagian atap candi berada di atas daripada tubuh candi sehingga salah ke bahagian yang dipuncak sekali. Atap candi secara umumnya berbentuk cungkup ke atas dan tajam.

Candi yang digunakan sebagai tempat upacara penghormatan simati ataupun bertujuan untuk membuang segala sial yang terdapat pada dirinya maka seseorang penganut Hindu tersebut akan mengelilingi candi bermula dari kiri ke kanan, ataupun berlawanan dengan arah putaran jam atau dikenali sebagai *prasawya*.¹² Sementara candi yang digunakan untuk upacara keagamaan pula

¹² J.E. van Lohuizen-De Leeuw, *Studies in South Asian culture (vol. V)*, Leiden : E.J. Brill, 1976, hlm. 226

seseorang penganut Hindu akan melakukan upacara dengan mengelilingi candi bermula dari kanan ke kiri ataupun mengikut arah putaran jam ataupun dikenali juga sebagai *pradaksina*.¹³

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan di Lembah Bujang kebanyakannya daripada candinya terdiri daripada bahan binaan seperti batu-bata, batu sungai, batu granit dan juga laterit. Sementara berdasarkan kepada bentuk candi yang terdapat di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada tiga bentuk utama iaitu empat segi memanjang seperti yang dapat dilihat pada candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat), Tapak 19 (Pengkalan Bujang), Tapak 16 (Kampung Pendiat) dan Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam).¹⁴ Keduanya adalah candi yang mempunyai bentuk lapan segi seperti yang terdapat pada candi Tapak 17 (Bukit Pendiat) dan yang terakhirnya adalah candi yang mempunyai bentuk empat penjuru yang menonjol pada setiap bahagiannya seperti candi Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang).¹⁵ Di samping itu candi yang terdapat di Lembah Bujang juga masih dapat dibahagikan lagi kepada bahagian *vimana* dan juga *mandapa* yang saling bergabung di antara satu sama lain dan juga bahagian *vimana* dan *mandapa* yang saling terpisah di antara satu sama lain.

Secara puratanya kebanyakannya daripada candi yang terdapat di Lembah Bujang berusia sekitar abad ke 6 hingga abad ke 13 M. Berdasarkan kepada hasil penggalian yang telah dilakukan di Lembah Bujang dan juga berdasarkan kepada penemuan yang dijumpai secara survei mengesahkan pendapat kebanyakan ahli bahawa bahagian badan candi yang dijumpai di Lembah Bujang kebanyakannya diperbuat daripada kayu. Hal ini berdasarkan kepada penemuan asas pelapik tiang yang begitu banyak ditemui di sekitar Lembah Bujang. Bahkan Candi Tapak 8 (

¹³ *Ibid.*, hlm. 224.

¹⁴ Lihat foto 3, 4, 9 dan 11.

¹⁵ Lihat foto 5.

Bukit Batu Pahat) berdasarkan kepada laporan Alastair Lamb mempunyai sekitar 66 buah asas pelapik tiang di mana 40 buah berada di bahagian *vimana* dan 26 di bahagian *mandapa*.¹⁶ Walau bagaimanapun setelah dilakukan pemeriksaan kembali oleh penulis didapati jumlah sebenarnya asas pelapik di Tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat) adalah 70 buah. Daripada jumlah tersebut 40 buah asas pelapik tiang berada di bahagian *vimana* sementara 30 buah berada di bahagian *mandapa*.

Candi yang mempunyai unsur Hindu dan juga unsur Buddha dapat dilihat berdasarkan kepada hiasan yang terdapat pada sesebuah candi tersebut terutamanya pada bahagian puncak sesebuah bangunan. Candi yang mempunyai hiasan *ratna* biasanya dikaitkan dengan unsur Hindu sementara candi yang mempunyai hiasan *stupa* pada bahagian puncaknya sering dikaitkan dengan unsur Buddha. *Stupa* terbahagi kepada lima struktur utama iaitu pertama *yasti* yang berada di bahagian atas *stupa* dengan berbentuk seperti tiang dikaitkan sebagai tongkat milik Gautama Buddha, keduanya *harmika* digambarkan dengan bentuk persegi empat yang terletak pada bahagian bawah *yasti*, ketiganya *gantha* digambarkan dengan berbentuk separuh bulat. Pada sebahagian pendapat ianya dikaitkan sebagai mangkuk yang pernah digunakan oleh Gautama Buddha, keempat adalah *padmasana* iaitu pelapik kepada Gantha. Bahagian kelimanya adalah *upapitha* yang merupakan pelapik kepada keseluruhan struktur *stupa*.¹⁷

3.2 Beberapa Candi Terkenal Yang Terdapat Di Lembah Bujang

Setakat ini sebanyak 41 buah tapak arkeologi telah dijumpai di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun sebahagian daripadanya telah musnah. Candi yang telah dipilih untuk tujuan penulisan tesis ini adalah Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat), Candi Tapak 19, 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang, Candi Tapak 5

¹⁶ Alastair Lamb, “ Report on excavation and reconstruction … ”, hlm. 3 - 108.

¹⁷ Lihat gambar 1.

dan 11/3 (Estet Sungai Batu), Candi Tapak 16 (Kampung Pendiat), Candi Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir) dan Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam).

3.2.1 Candi Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang)

Terdapat empat tapak bersejarah yang berada di sebelah utara Tapak 19 yang telah dikenalpasti oleh Dr. Quaritch-Wales dalam tinjauannya pada tahun 1936-37.¹⁸ Tapak-tapak tersebut telah diberikan nombor Tapak 20, 21, 22 dan 23. Sekitar tahun 1974, Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara telah menjalankan kerja galicari serta membina kembali candi-candi di tapak ini melainkan Tapak 23 (kerana penyelidikan dimulai pada tahun 1985). Penyelidikan arkeologi tahun 1974 di Kampung Pengkalan Bujang juga telah mendedahkan runtuhan batu-bata pada anjung candi di sebelah bawah telah rosak teruk akibat kegiatan pertanian, seperti yang telah dilaporkan oleh Quaritch-Wales pada Tapak 20. Berdasarkan kepada laporan Wales sewaktu menemui tapak ini hanyalah merupakan runtuhan daripada candi yang diperbuat daripada batu-bata.¹⁹ Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang) mempunyai keluasan sekitar 21 kaki x 10 kaki serta berbentuk persegi panjang. Di antara artifak yang dijumpai adalah beberapa batu yang mempunyai lubang (asas pelapik tiang) sementara atapnya diduga daripada genting. Pada masa kini hanya Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang) yang masih dikekalkan di tempat asal. Lokasi Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) berada bersebelahan dengan bendang padi dan jalan raya yang menghubungkan Kampung Pengkalan Bujang dengan pekan Merbok. Pada masa kini hanya Tapak 22 (Pengkalan Bujang) yang masih dikekalkan di tempat asal sementara Candi Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang) telah dipindahkan ke kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok.

¹⁸ Quaritch-Wales, “ Archaeological researches...,” hlm.40.

¹⁹ *Ibid.*

Kedua-dua Tapak 21 dan 22 (Kampung Pengkalan Bujang) telah digali cari secara serentak oleh Jabatan Muzium Negara pada tahun 1974. Kerja-kerja galicari tersebut telah membolehkan pelan-pelan seni bina candi di kedua-dua tapak berkenaan diketahui. Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang) mengandungi cuma sebuah struktur utama manakala Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang) mengandungi dua struktur utama. Tapak 21 (Kampung Pengkalan Bujang) setelah digalicari menunjukkan bentuk seperti salib dengan berbentuk seakan-akan lapan penjuru yang terkeluar. Kedudukan arah bangunan tidak begitu tepat ke utara tetapi mengarah ke arah barat laut. Pemandangan bahagian tembok tepi candi Tapak 21 dan Tapak 22 (Kampung Pengkalan Bujang) yang diperbuat daripada bata menunjukkan bahawa pembuatannya dibuat dengan begitu rapi berdasarkan terdapatnya kesan penajaman.²⁰ Ukuran pada bahagian tepi candi ini adalah kira-kira 1.5 meter di atas paras asas bangunan. Cara tembok tersebut runtuh menunjukkan bahawa ada semacam tekanan daripada sebelah luar.

Struktur candi tersebut secara keseluruhannya terdiri daripada batu-bata, termasuk pada binaan asas bangunan. Berdasarkan bukti jumpaan paku besi hasil galicari pada tahun 1976, memperkuatkan andaian Quaritch-Wales yang menduga bahagian badan bangunan candi ini diperbuat daripada kayu selain jumpaan asas pelapik tiang. Beberapa keping genting juga telah dijumpai dari tapak tersebut. Lapisan asas bangunan terdapat tiga lapisan batu-bata, sementara pada lapisan tapak pula terdapat sepuluh dataran batu-bata. Tembok candi berkenaan agak menegak sementara tangga terletak pada sebelah barat daya, mengandungi tiga peringkat dengan setiap satu ada tiga dataran batu-bata. Walau bagaimanapun arah tangga tersebut tidak menunjukkan seperti mengarah untuk

²⁰ Lihat foto 5 dan 6.

memasuki ke bangunan candi.²¹ Candi ini diduga dibina sekitar abad 9 Masehi sehingga abad ke 10 Masehi.²²

3.2.2. Candi Tapak 16 (Kampung Pendiat)

Berdasarkan kepada laporan Quaritch-Wales pada asalnya tapak ini berada di sebelah kanan Sungai Bujang dan sekitar 25 ela daripada kawasan bendang padi.²³ Tinggalan struktur candi tersebut telah digalicari dan kemudiannya dipindahkan ke sebuah tapak di dalam kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang di mana ianya telah dibina kembali. Candi Tapak 16 (Kampung Pendiat) secara keseluruhanya dibina daripada batu lada (batuan laterit). Seperti struktur yang terdapat di Lembah Bujang yang lainnya diduga di bahagian atas lapisan batu lada (batuan laterit), terutama di bahagian badan dan atap terdapat penggunaan kayu dan genting.

Oleh kerana struktur Candi Tapak 16 (Kampung Pendiat) telah rosak, Quaritch-Wales hanya dapat membuat perbandingan secara umum dengan Tapak 15. Penyelidikan arkeologi pada awal tahun 1970 an telah menunjukkan bahawa perlu dilakukan satu galicari yang lebih lanjut. Hasilnya pada tahun 1974 tapak ini telah digalicari dan dibina kembali. Hasil daripada galicari telah menemukan satu struktur yang berbeza dengan struktur candi di Tapak 15 di mana Tapak 16 (Kampung Pendiat) terdapat bahagian *vimana-mandapa*. Sewaktu dilakukan galicari telah ditemui peripih bersama dengan relikuari.²⁴ Walau bagaimanapun bahagian *vimana-mandapa* candi Tapak 16 adalah terpisah di antara satu sama

²¹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Othman Mohd Yatim, *Antiquities of...*, hlm. 27.

²² *Ibid.*, hlm. 31.

²³ *Ibid.*, hlm. 34-36 .

²⁴ Lihat foto 11, 45, 46, dan 47 .

lain. Candi ini diduga telah dibina sekitar abad ke 11 Masehi.²⁵

3.2.3 Candi Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu)

Tapak ini telah ditemui dan digalicari oleh Quaritch-Wales sewaktu beliau melakukan survei di antara tahun 1936-1937. Pada tahun 1974 pihak Muzium Negara telah meneruskan penyelidikan serta bertanggungjawab membinanya kembali. Tapak ini terletak di bahagian hulu Sungai Bujang (berhampiran dengan estet getah pada waktu tersebut di Sungai Batu). Sewaktu ditemui oleh Quaritch-Wales didapati dua bahagian utama struktur bangunan candi yang diduga sebagai dewan utama dan juga bahagian anjungan candi berkenaan.²⁶ Berdasarkan kepada pelan Candi Tapak 11/3 jelas menunjukkan ianya adalah jenis *vimana-mandapa* dan mengarah ke arah timur. Mandapa bersambung dengan *vimana* pada bahagian tengahnya. Struktur kecil batu merah telah ditemukan semasa kegiatan galicari pada tahun 1974. Struktur *vimana* berbentuk persegi empat panjang dengan ukuran 6.64 meter lebar, 9.44 meter panjang dan 0.55 meter tinggi. Walau bagaimanapun Nik Hassan Shuhaimi berpendapat bahagian tersebut kemungkinan tidak bersambung berdasarkan kepada laporan, gambarfoto dan pelan lakaran oleh Quaritch-Wales.²⁷

Mandapa dibuat daripada batu sungai yang digaul dengan lumpur. Teknik sebegini juga turut dibuat pada sesetengah candi yang terdapat di Lembah Bujang. Berdasarkan kepada ukuran yang telah dilakukan oleh Quaritch-Wales ianya berukuran sekitar 9.44 meter panjang dan 6.90 meter lebar. Penemuan asas pelapik tiang jelas menunjukkan bahawa struktur bahagian sebelah atas bangunan

²⁵ Ibid., hlm. 34.

²⁶ Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 24 - 26.

²⁷ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim, *Warisan Lembah Bujang*, Kuala Lumpur : Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia , 1992, hlm. 48 - 49 .

candi tersebut adalah diperbuat daripada kayu. Penemuan paku besi juga menguatkan pendapat bahawa bahagian badan dan atap bangunan candi tersebut juga diperbuat daripada kayu. Walau bagaimanapun tiada sebarang atap genting ditemui di tapak ini. Candi ini diduga pada bahagian badannya sehingga ke atap diperbuat daripada bahan kayu. Enam pasu tanah juga telah ditemui dan ianya diduga telah digunakan sebagai asas relikuari. Candi ini diduga telah dibina sekitar abad ke 11 sehingga abad ke 13 Masehi.²⁸

3.2.4 Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam)

Tapak ini terletak di tebing sebelah barat Sungai Bujang. Pada asalnya candi ini berada di dalam kawasan ladang getah. Tapak ini telah ditemui pada akhir tahun 1960 an. Pada tahun 1974 usaha-usaha telah dilakukan untuk menggalicari tapak ini oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara. Hasilnya sebuah platform persegi empat tepat dengan ukuran 1.5 x 1.5 meter dan tingginya adalah sekitar 1.2 meter telah ditemui. Kegiatan galicari telah diteruskan pada tahun 1976, 1977, 1978, 1979, 1980 dan 1981 dengan usahasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Muzium Negara.

Struktur utama candi Tapak 50 adalah jenis *vimana-mandapa* dengan bahagian *vimana* adalah berukuran sekitar 6.25 x 6.25 meter. Sementara bahagian *mandapa* berukuran sekitar 6.75 meter panjang dan 6.20 meter lebar. Di antara bahagian *vimana-mandapa* terdapat ruang yang kosong dengan ukuran sekitar 1.5 meter. Kedua-dua bahagian tersebut telah terbina di atas permukaan tanah tanpa sebarang batuan asas. Walau bagaimanapun kedua-dua bahagian tersebut bersambung secara tidak langsung oleh tembok tambahan pada paras atas pelapik struktur. Bahagian *mandapa* diperbuat daripada batu lada (batuan

²⁸ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Othman Mohd Yatim, *Antiquities of...*, hlm. 39.

laterit)²⁹ yang digaul dengan lumpur. Pada keempat-empat penjuru *mandapa* terdapat asas pelapik tiang, sementara pada bahagian utara dan selatan juga terdapat pelapik tiang berjumlah tiga dengan jarak yang sama.

Pada bahagian timur dan barat terdapat asas pelapik tiang dengan jumlah sekitar dua dengan jarak yang sama. Diduga dua asas pelapik tiang yang terdapat pada bahagian timur adalah sebagai pintu masuk ke bahagian *mandapa*. Sementara dua lagi asas pelapik tiang yang terdapat pada bahagian barat *mandapa* adalah merupakan sebagai pintu masuk untuk ke bahagian *vimana*.³⁰ Bahagian tangga yang menghubungkan di antara kedua-dua bahagian tersebut berjumlah sekitar tiga dataran dan di antara lapisan tangga tersebut juga ditemukan dua asas pelapik tiang. Pada bahagian hadapan *mandapa* juga terdapat lorong yang dibuat daripada batu lada (laterit) dengan ukuran sekitar 1.5 meter x 1.5 meter. Candi ini diduga telah dibina sekitar abad ke 12 Masehi sehingga abad ke 13 Masehi.³¹ Struktur candi ini telah dipindahkan ke kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

3.2.5 Candi Tapak 5 (Estet Sungai Batu)

Tapak ini telah digalicari dan dibina kembali oleh pihak Muzium Negara pada tahun 1974. Tapak ini terletak di Estet Sungai Batu di tebing barat Sungai Bujang. Pada waktu galicari pertama kali yang telah dilakukan oleh Quaritch-Wales, beliau telah menemukan kepungan tembok yang terdiri daripada batu sungai yang mengelilingi struktur candi. Walau bagaimanapun tembok yang telah

²⁹ Batu laterite terbentuk oleh proses quartz yang muncul daripada tanah dan dipecahkan oleh proses seperti angin kepada kepingan-kepingan kecil (nipis) dan mempunyai warna merah kecoklatan kerana disebabkan oleh zat besi.

³⁰ Lihat foto 9 .

³¹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Othman Mohd Yatim, *Antiquities of...*, hlm. 41.

dinyatakan oleh Wales tidak ditemukan kini.³² Candi ini menghadap ke arah timur.

Berdasarkan kepada bentuk candi tersebut setelah dibina kembali jelas menunjukkan ianya terdiri daripada jenis *vimana-mandapa*. Bahagian *vimana* berbentuk persegi tepat dengan ukuran 4.62×4.62 meter. Bahagian *mandapa* pula berukuran 3.20×6.15 meter. Kedua-dua bahagian tersebut bersambung pada bahagian tengahnya.³³ *Vimana* terletak di atas asas batu sungai yang memanjang sekitar 61 cm, di luar penjuru tapak candi. Ukuran bagi tapak ialah 4.62 meter lebar panjang dan 0.46 meter tinggi. Sementara bahagian *cella* pula terdiri daripada batu lada (batuan laterit). *Cella* berbentuk persegi empat tepat berukuran 2.08×2.08 meter. Lapisan lantai platform dan *cella* diperbuat daripada pecahan batu lada (laterite) atau diduga ditumbuk ataupun diturap bersama dengan lumpur.

Mandapa tidak ditemui asas batu seperti *vimana*, ianya terletak secara langsung di atas tanah. Pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara telah membina kembali bahagian *mandapa* ini di atas asas batu sungai³⁴ yang baru dengan alasan untuk mengukuhkan lagi asas struktur dan ianya bukan asas batu sungai yang asal.³⁵ Candi ini diduga telah dibina sekitar abad ke 11 sehingga abad ke 13 Masehi.³⁶

³² Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 16-17.

³³ Lihat foto 7.

³⁴ Batu sungai mempunyai saiz yang kecil disebabkan proses “ golekan ” oleh aras sungai di sepanjang alirannya sehingga berbentuk kecil dan bulat.

³⁵ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Othman Mohd Yatim, *Warisan...*, hlm. 47.

³⁶ Lihat Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Othman Mohd Yatim., *Antiquities of...*, hlm. 37.

3.2.6 Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat)

Tapak 8 juga merupakan salah satu daripada tapak yang telah ditemui oleh Quaritch-Wales sewaktu beliau melakukan survei di Lembah Bujang pada tahun 1936-1937. Tapak ini dikenali sebagai Candi Bukit Batu Pahat dan merupakan candi yang paling utama di Lembah Bujang. Satu ciri yang menarik mengenai mengenai candi ini adalah bahagian kaki candi yang diperbuat daripada blok-blok batu granit yang diperolehi daripada Sungai Merbok Kechil berhampiran dengan Candi Tapak 8. Hasil daripada penemuan terpenting yang telah ditemui oleh Quaritch-Wales di tapak ini adalah dua buah relikuari yang terbuat daripada batu granit yang tidak mempunyai sebarang penutup. Quaritch-Wales berpendapat pada suatu ketika dahulu relikuari tersebut kemungkinan besar mempunyai penutupnya yang tersendiri.³⁷

Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) ini merupakan candi yang bahagian *vimana* dan *mandapa* adalah saling bersambung di antara satu sama lain.³⁸ Candi ini mempunyai asas pelapik tiang berjumlah sekitar 70 buah dengan 40 asas pelapik tiang tersebut berada di bahagian *vimana* sementara sekitar 30 asas pelapik tiang berada pada bahagian *mandapa*. Penelitian ke atas Tapak 8 telah diteruskan lagi oleh Alastair Lamb pada tahun 1959-1960. Hasil daripada penelitian dan juga galicari yang telah dilakukan beliau mendapati candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) adalah merupakan candi yang berunsur Tantrik.³⁹ Berdasarkan kepada pengamatan yang telah dilakukan oleh Lamb ke atas candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) beliau menarik kemungkinan bahagian atap daripada candi ini terbuat daripada nipah.⁴⁰ Candi ini telah diberikan pentarikhannya oleh

³⁷ Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 11-15.

³⁸ Lihat foto 3.

³⁹ Alastair Lamb, *Report on excavation and reconstruction...*, hlm. 93.

⁴⁰ Alastair Lamb, "The temple on the river ... ", hlm.66.

Wales abad 7-8 Masehi,⁴¹ walau bagaimanapun terdapat di kalangan sarjana yang lebih cenderung untuk mencadangkan usia candi Tapak 8 sekitar abad 12 - 13 M sebagai tarikh yang lebih tepat.⁴²

3.2.7 Candi Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir)

Tapak 31 hasil daripada penelitian yang telah dilakukan oleh Quaritch-Wales dengan isteri beliau Dorothy-Wales, candi ini terdiri daripada bahan laterit dengan keluasan 19 kaki persegi. Hasil daripada galicari yang telah dijalankan oleh Quaritch-Wales dan isterinya telah menjumpai 2 buah laterite dengan kesan lubang pada bahagian atasnya. Dorothy-Wales berpendapat ianya adalah atas pelapik tiang.⁴³

Tapak 31 ini kemudiannya telah diteruskan penyelidikannya oleh M. Sullivan pada tahun 1958 dan beliau berpendapat candi ini adalah berunsur Hindu dan bukannya berunsur Buddha seperti yang diduga pada awalnya.⁴⁴ Alasan beliau berdasarkan kepada temuan arca tembaga Buddha yang kecil saiznya dan bunga teratai daripada tembaga.⁴⁵ Usia candi Tapak 31 berdasarkan kepada pendapat M. Sullivan adalah sekitar abad 10 Masehi. Sementara Dorothy-Wales berpendapat Tapak 31 adalah sekitar abad 13 Masehi.

⁴¹ Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm.21.

⁴² F.E Treloar and G.J Fabris, " Evidence for the contemporary existence of two Kedah sites ", *JMBRAS*, vol. XLVIII (Part 1), 1975, hlm. 74-77.

⁴³ Dorothy C and H.G Quaritch-Wales, *op.cit.*, hlm. 10 .

⁴⁴ Lihat foto 10.

⁴⁵ Sullivan, *op.cit.*, hlm. 196.

3.2.8 Candi Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang)

Candi ini terletak di Kampung Pengkalan Bujang dan tidak banyak yang diketahui mengenai candi Tapak 19 berdasarkan kepada rekod penyelidikan yang telah dilakukan oleh Quaritch Wales. Candi ini sekarang telah dibina kembali oleh pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara dan candi ini diperbuat daripada batu-bata dan mempunyai bentuk persegi empat panjang. Pada awal ia ditemui oleh Quaritch-Wales lokasi candi dilaporkan telah ditimbuni oleh pasir.⁴⁶ Berdasarkan kepada struktur bangunan ini dibahagi kepada dua bahagian pada satu bangunan. Berdasarkan kepada bentuknya kemungkinan juga candi ini digunakan untuk menyimpan barang keagamaan ataupun sebagai tempat tinggal para *bhiksu*.⁴⁷ Candi ini dianggarkan dibina sekitar abad 11-12 Masehi.⁴⁸ Satu galicari yang telah dilakukan oleh Leong Sau Heng tidak jauh daripada Candi Pengkalan Bujang pada tahun 1970 telah menemui banyak serpihan tembikar tanah, *stoneware* cina dari zaman abad ke 12 / 13 Masehi.⁴⁹

3.3 Asas Pelapik Tiang Candi Yang Dijumpai Sekitar Lembah Bujang

Salah satu daripada ciri seni bina yang ditemui pada kebanyakan candi di Lembah Bujang adalah asas pelapik tiang yang kebiasaannya diperbuat daripada batu granit. Asas pelapik tiang yang telah dijumpai di sekitar Lembah Bujang merupakan bahagian yang terpenting kepada struktur bangunan candi. Penemuan dengan begitu banyak asas pelapik tiang di tapak candi di Lembah Bujang membuktikan kepada kita bahawa tiang-tiang kayu telah diguna untuk bahagian badan candi-candi di Lembah Bujang. Keadaan ini juga menunjukkan satu aspek

⁴⁶ Quaritch-Wales, *op. cit.*, hlm. 39 .

⁴⁷ Lihat foto 4.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 40.

⁴⁹ Leong Sau Heng, *A study of ceramic deposits ...*,

warisan tradisi seni bina di rantau Asia Tenggara dan tempatan (asas pelapik tiang yang diduga dibuat daripada kayu juga ditemui di Sumatera).⁵⁰ Sementara di India tiada sebarang candi yang diperbuat dengan menggunakan tiang untuk menunjang bahagian badan candi.

Penemuan asas pelapik tiang dengan jumlah yang begitu banyak di tapak candi di sekitar Lembah Bujang telah menunjukkan bagaimana struktur bangunan candi di Lembah Bujang pada suatu ketika dahulu telah diadun di antara kayu dan asas pelapiknya yang diperbuat daripada batu granit. Penulis juga berpendapat ada kemungkinan tiang-tiang utama di dalam struktur candi turut diukir tetapi memandangkan unsur kayu yang mudah terdedah kepada perubahan iklim menyebabkan ianya tidak dapat dikesan.

Berdasarkan kepada bentuk asas pelapik tiang di Lembah Bujang ianya dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu asas pelapik tiang tanpa hiasan dan keduanya asas pelapik tiang dengan hiasan. Kebanyakan daripada asas pelapik tiang yang dijumpai di Lembah Bujang pada bahagian atas permukaannya terdapat kesan tebukan (lubang) yang diduga sebagai asas untuk meletakkan tiang kayu sebagai penunjang kepada bahagian badan candi ke bahagian atap candi. Bentuk permukaan yang ditebuk pada permukaan asas pelapik tiang tersebut biasanya mempunyai bentuk persegi empat walau bagaimanapun terdapat juga asas pelapik tiang yang mempunyai bentuk bulat dan juga persegi tiga.

3.3.1 Asas Pelapik Tiang Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat)

Sekitar 70 buah asas pelapik tiang yang diperbuat daripada batu granit telah dijumpai di tapak ini. 40 buah daripada asas pelapik tiang tersebut terdapat di bahagian *vimana* sementara 30 buah lagi terdapat pada bahagian *mandapa*.

⁵⁰ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, *Arkeologi, seni dan kerajaan...*, hlm. 84 - 89 dan lihat foto 4.12 (d), hlm. 98 di dalam buku berkenaan.

Kebanyakan daripada asas pelapik tiang yang dijumpai di Tapak 8 mempunyai bentuk persegi empat dengan bahagian atasnya ditebuk dengan lubang yang juga berbentuk dengan persegi empat. Asas pelapik tiang pada bahagian *vimana* mempunyai saiz yang lebih besar pada bahagian setiap penjurunya dengan ukurannya 31 cm x 31 cm.⁵¹ Sementara pada bahagian hadapan dan belakang asas pelapik tiang yang besar tersebut terdapat asas pelapik tiang yang lebih kecil dengan ukurannya 29 cm x 29 cm. Kedudukan asas pelapik tiang tersebut menggambarkan Candi Bukit Batu Pahat pada bahagian *vimana* didukung oleh struktur kayu yang lebih besar.⁵²

Selain daripada asas pelapik tiang yang berbentuk persegi empat di Candi Bukit Batu Pahat juga pernah ditemui asas pelapik tiang yang mempunyai bentuk berhias pada sekelilingnya. Asas pelapik tiang ini mempunyai ukuran 53 cm x 53 cm. Batu asas pelapik tiang ini masih mengekalkan bentuk persegi empat dan dipahat seperti bertingkat dua sementara pada sekeliling bahagian batu asas pelapik tiang ini diukir dengan garis lurus. Bahagian tingkat atasnya lebih kecil berbanding dengan asas dibahagian bawahnya dan di bahagian permukaannya ditebuk lubang dengan berbentuk persegi empat.⁵³

3.3.2 Asas Pelapik Tiang Candi Tapak 11/3 (Estet Sungai Batu)

Asas pelapik tiang yang ditemui di tapak ini dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu asas pelapik tiang tanpa hiasan dan keduanya asas pelapik tiang yang mempunyai hiasan. Ianya diperbuat daripada batu granit dan mempunyai bentuk persegi empat pada bahagian dasarnya sementara pada lapisan keduanya dipahat dengan bentuk persegi lapan yang lebih nipis bentuknya dan lapisan

⁵¹ Lihat foto 12.

⁵² Lihat foto 12.

⁵³ Lihat foto 13.

ketiganya dipahat dengan bentuk yang agak membulat. Seperti asas pelapik tiang lainnya yang ditemui di Lembah Bujang bahagian permukaan ditebuk dengan lubang yang berbentuk persegi empat dengan ukurannya 33 cm x 35 cm.⁵⁴

Keduanya adalah asas pelapik tiang yang tidak mempunyai hiasan. Ianya terdiri daripada bentuk dasar persegi empat dengan tebukan pada permukaannya juga berbentuk persegi empat dan mempunyai ukuran 25 cm x 25 cm⁵⁵. Contoh asas pelapik tiang yang dijumpai di tapak ini diperbuat daripada batu granit. Pada bahagian tepinya terdapat kesan pahatan yang memanjang. Bentuk asas pelapik tiang selain daripada yang telah dihuraikan masih terdapat satu lagi ciri iaitu asas pelapik tiang yang masih mengekalkan bentuk dasarnya empat segi sementara bahagian permukaannya dibuatkan tebukan berbentuk persegi tiga.⁵⁶ Di Tapak 11/3 setakat ini terdapat sekitar dua buah asas pelapik tiang yang mempunyai kesan tebukan tiga segi pada bahagian permukaannya. Asas pelapik tiang ini juga diperbuat daripada batu granit dengan ukuran setiap satunya adalah 35 cm x 35 cm dan 24 cm x 28 cm.

3.3.3 Asas Pelapik Tiang Candi Tapak 49 (Telaga Sembilan)

Asas pelapik tiang yang dijumpai di Tapak 49 masih dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu asas pelapik tiang dengan hiasan dan asas pelapik tiang tanpa hiasan. Asas pelapik tiang tanpa hiasan mempunyai ukuran sekitar 40 cm x 40 cm dan dibentuk berbentuk persegi empat sementara pada bahagian atasnya ditebuk lubang berbentuk persegi empat.⁵⁷ Bentuk asas pelapik tiang tanpa hiasan keduanya adalah masih mengekalkan bentuk persegi empat tetapi dipahat dengan

⁵⁴ Lihat foto 14.

⁵⁵ Lihat foto 15.

⁵⁶ Lihat foto 16 dan 17.

⁵⁷ Lihat foto 18.

agak meninggi dan semakin meruncing di bahagian atasnya. Asas pelapik tiang ini juga mempunyai permukaan yang ditebuk dengan lubang yang berbentuk persegi empat dengan ukurannya 23 cm x 13 cm.⁵⁸

Berdasarkan kepada bentuk asas pelapik tiang di Tapak 49 ini diduga mempunyai peranan yang berbeza di antara satu sama lainnya. Asas pelapik tiang dengan bentuk yang biasa diduga ditempatkan pada bahagian tepi / penjuru bangunan sementara asas pelapik tiang dengan berbentuk meruncing diduga berperanan sebagai penunjang di bahagian tengah candi ataupun pada bahagian masuk ke bangunan candi.

3.3.4 Asas Pelapik Tiang Candi Tapak 23 (Pengkalan Bujang)

Asas pelapik tiang di Tapak 23 mempunyai bentuk dan ciri yang sama dengan asas pelapik tiang yang banyak ditemui di Lembah Bujang iaitu persegi empat dengan bahagian permukaannya ditebuk dengan lubang berbentuk persegi empat dengan ukuran 35 cm x 34 cm.⁵⁹ Tapak ini masih lagi dalam proses penggalian dan tiada bentuk asas pelapik tiang selain daripada yang telah dihuraikan.

3.3.5 Asas Pelapik Tiang Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) dan Asas Pelapik Tiang Candi Tapak 33 (Kampung Sungai Mas)

Asas pelapik tiang yang dijumpai di kedua-dua tapak ini agak unik jika dibandingkan dengan asas pelapik tiang yang selama ini ditemui di sekitar Lembah Bujang. Di Tapak 50 secara keseluruhannya mempunyai 30 buah asas pelapik tiang yang mengelilingi halaman *mandapa* dan juga halaman *vimana*.

⁵⁸ Lihat foto 19.

⁵⁹ Lihat foto 20.

Daripada jumlah tersebut 4 buah asas pelapik tiang mempunyai bentuk dasar bulat dan bahagian permukaannya juga ditebuk dengan pahatan berbentuk persegi empat dengan ukuran secara purata setiap satunya 27 cm x 27 cm.⁶⁰ Keempat-empat asas pelapik tiang berbentuk dasar bulat ini ditempatkan di halaman *vimana*. Berdasarkan kepada bentuknya diduga ianya adalah sebagai struktur penunjang khusus pada bahagian *vimana* yang paling dalam di mana kebiasaannya ditempatkan arca keagamaan. Sementara asas pelapik tiang yang berbentuk persegi empat pada bahagian dasarnya dengan tebukan persegi empat dan ukuran setiap satunya 22 cm x 23 cm⁶¹ pada bahagian permukaannya adalah penunjang di antara bahagian badan candi dengan bahagian atap candi.

Asas pelapik tiang yang dijumpai di Tapak 33 (Kampung Sungai Mas) juga mempunyai perbezaan daripada asas pelapik tiang yang dijumpai di Lembah Bujang. Pertamanya daripada segi bahan binaan. Ianya diperbuat daripada batu lumpur dan mempunyai bentuk dasar bulat dengan tebukan pada bahagian permukaannya juga berbentuk bulat dan mempunyai ukuran tinggi sekitar 32 cm.⁶²

3.4 Bendul Pintu Candi Yang Dijumpai Di Lembah Bujang

Bendul pintu merupakan sebahagian daripada struktur di dalam bahagian candi dan boleh dianggap sebagai ciri seni bina candi yang agak istimewa di Lembah Bujang. Sekiranya asas pelapik tiang berperanan sebagai penunjang kepada bangunan candi bermula daripada bahagian badan ke bahagian atap, bendul pintu pula merupakan struktur yang biasanya ditempatkan pada halaman yang merupakan jalan masuk utama ke bangunan candi. Bendul pintu yang

⁶⁰ Lihat foto 21.

⁶¹ Lihat foto 22.

⁶² Lihat foto 23.

ditemui pada candi di Lembah Bujang diperbuat daripada batu granit dan ianya mempunyai saiz yang agak besar serta berat. Sebagai contoh di Lembah Bujang sungai-sungai utama seperti Sungai Merbok Kecil, Sungai Bujang terdapat banyak batuan hampar yang memungkinkan diambil sebagai bahan mentah pembuatan bendul pintu.

Sehubungan dengan hal tersebut penulis berpendapat terdapat dua kemungkinan mengapa bendul pintu diambil daripada material berhampiran dengan hulu sungai . Sungai merupakan perlambangan suci kepada Sungai Gangga yang mengalir daripada surga dan batuan yang berada di sepanjang alirannya dapat berperanan untuk mengusir roh jahat yang cuba untuk memasuki halaman *vimana* sesebuah candi. Keduanya sebagai perbezaan ciri di antara bahagian *vimana* dan bahagian *mandapa*. Berdasarkan kepada penemuan selama ini di Lembah Bujang, bendul pintu ditempatkan pada laluan utama untuk ke halaman *vimana* yang paling dalam sekali. Bendul pintu yang dijumpai di Lembah Bujang kebanyakannya diperbuat daripada batu granit dan dibentuk dengan sebuah batu yang memanjang ataupun melebar dengan pada setiap hujung kedua-dua bendul pintu tersebut dibuatkan tebukan lubang (kebiasaannya berbentuk persegi empat). Untuk tujuan tersebut tinjauan hanya dilakukan terhadap bendul pintu yang kini berada di dalam koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Bendul pintu ini adalah terdiri daripada Tapak 39 (Kota Aur) dan di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam).

3.4.1 Bendul Pintu Candi Tapak 39 (Kota Aur)

Bendul pintu yang ditemui di Tapak 39 (Kota Aur) diperbuat daripada batu granit dan berbentuk seperti tangga. Pada bahagian tepi bendul pintu tersebut terdapat sebuah lubang yang ditebuk pada bahagian permukaannya dengan bentuk persegi empat. Berdasarkan kepada bentuknya yang padat serta bentuk pahatan yang jelas diduga ianya merupakan laluan utama sebelum seseorang itu memasuki

bangunan candi.⁶³ Kemungkinan juga ianya di tempatkan pada halaman yang menempatkan arca. Bendul pintu ini mempunyai ukuran sekitar 91.5 cm x 38 cm x 43 cm. Material yang menempati bendul pintu ini diduga disokong oleh kayu.

3.4.2 Bendul Pintu Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam)

Di Tapak 50 pula bendul pintu candinya berada pada halaman *vimana* yang paling dalam (sebelum memasuki ruangan yang menempatkan arca keagamaan). Bendul pintu candi ini diperbuat daripada batu granit dan ianya berbentuk persegi empat panjang. Pada bahagian hujung kiri dan juga kanan bendul pintu berkenaan terdapat kesan pahatan dengan berbentuk persegi empat dengan ukuran 39 cm x 19 cm. Berdasarkan kepada bentuk dan saiz bendul pintu berkenaan diduga ianya adalah bahagian terpenting bagi mengelakkan sembarang individu daripada memasuki halaman *vimana* yang menempatkan arca keagamaan selain berperanan sebagai pendukung kepada struktur atap Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam).⁶⁴

3.5 Temuan Terbaru Asas Pelapik Tiang dan Juga Bendul Pintu Di Kampung Pengkalan Bujang

Hasil daripada kegiatan survei permukaan yang dilakukan oleh penulis bersama dengan kakitangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang di sekitar Kampung Pengkalan Bujang selama dua minggu bermula pada 6 November sehingga 18 November 1996 telah menemukan sekitar tujuh asas pelapik tiang dan dua buah bendul pintu yang diduga sebahagian daripada struktur bangunan candi. Lokasi survei ini berada sekitar 2 kilometer daripada kompleks percandian Kampung Pengkalan Bujang.

⁶³ Lihat foto 24.

⁶⁴ Lihat foto 25.

Temuan pertama adalah di atas lot tanah 2136 dengan no. geran 47610 . Di atas lot ini telah ditemui sebuah asas pelapik tiang berbentuk persegi empat dengan bahagian atas permukaannya dipahat dengan bentuk yang juga persegi empat. Asas pelapik tiang ini diperbuat daripada batu granit dengan ukuran 35 cm x 26 cm. Pada salah satu daripada bahagian tepi asas pelapik tersebut terdapat kesan patahan.⁶⁵

Temuan keduanya adalah asas pelapik tiang yang dijumpai di atas lot tanah no. 1428 Kampung Pengkalan Bujang . Di atas lot tanah ini telah ditemui tiga buah asas pelapik tiang. Ketiga-tiga asas pelapik tiang berkenaan diperbuat daripada batu granit dengan ukuran setiap satunya adalah 37 cm x 37 cm, 35 cm x 35 cm dan 232 cm x 39 cm.⁶⁶ Temuan asas pelapik tiang ini tiada keistimewaannya berbanding dengan kebanyakan daripada asas pelapik tiang yang dijumpai di sekitar Lembah Bujang sebelumnya. Ketiga-tiga asas pelapik tiang tersebut mempunyai bentuk dasar persegi empat dengan kesan pahatan / tebukan dipermukaannya berbentuk persegi empat.⁶⁷ Walau bagaimanapun salah satu daripada asas pelapik tiang yang dijumpai mempunyai kesan patahan pada sebahagian sisi tebukan asas untuk meletakkan tiang.⁶⁸

Temuan ketiga adalah di atas lot tanah 531 di Kampung Pengkalan Bujang. Di atas lot tanah ini telah dijumpai tiga buah asas pelapik tiang dan dua buah bendul pintu candi . Ketiga-tiga asas pelapik tiang berkenaan berada di bawah rumah pemiliknya setelah dipindahkan daripada halaman rumahnya. En. Abdul Kadir sebagai tuan tanah tidak dapat memberikan lokasi sebenar asas pelapik tiang berkenaan kerana telah dipindahkan semenjak beliau masih kecil.

⁶⁵ Lihat foto 26.

⁶⁶ Lihat foto 27, 28 dan 29.

⁶⁷ Lihat foto 27, 28 dan 29.

⁶⁸ Lihat foto 30

Salah satu daripada asas pelapik tiang ini berbentuk dasar persegi empat dengan bahagian permukaannya mempunyai kesan pahatan / tebukan yang juga berbentuk persegi empat dan mempunyai ukuran 35 cm x 32 cm.⁶⁹ Sementara dua asas pelapik tiang lagi mempunyai bentuk persegi empat tanpa sebarang kesan pahatan pada bahagian permukaannya dan ukuran setiap satunya adalah 34 cm x 32 cm dan 35 cm x 26 cm.

Bendul pintu candi yang dijumpai di atas lot tanah ini berada di halaman rumah En. Abdul Kadir dengan berjarak sekitar 200 meter daripada jalan. Pada awal penemuannya penulis tidak menyangka ianya merupakan bendul pintu yang tidak siap proses pembuatannya tetapi setelah diterbalikkan didapati pada bahagian tengahnya terdapat kesan pahatan / tebukan berbentuk persegi empat.⁷⁰ Ukuran panjang bendul pintu ini adalah 38 cm x 65 cm . Diduga bendul pintu ini mempunyai pasangannya tetapi tidak ditemui sepanjang survei dilakukan selama dua minggu. Bendul pintu candi ini juga diperbuat daripada batu granit. Sebuah lagi bendul pintu yang ditemui di atas lot ini berbentuk persegi panjang dengan pada bahagian hujungnya mempunyai kesan pahatan berbentuk persegi empat dan ukurannya adalah 463 cm x 34 cm.⁷¹

3.6 Asas Pelapik Arca

Selain daripada asas pelapik tiang masih terdapat beberapa artifak yang mempunyai persamaan dengannya seperti asas pelapik arca. Asas pelapik arca merupakan pahatan yang dilakukan terhadap sebongkah batuan dan merupakan alas untuk meletakkan arca. Di Lembah Bujang asas pelapik arca dapat ditemui di Tapak 49 (Telaga Sembilan) dan juga di Tapak 50 (Kampung Bendang

⁶⁹ Lihat foto 28 dan 32

⁷⁰ Lihat foto 33.

⁷¹ Lihat foto 34.

Dalam). Kebanyakan daripada asas pelapik arca yang ditemui di Lembah Bujang diperbuat daripada batu granit. Tujuan arca diletakkan pada asas pelapik berdasarkan kepada kepentingan arca itu sendiri. Kebiasaannya arca yang suci seperti arca para dewa sememangnya diletakkan di atas pelapik sebagai lambang penghormatan terhadap dewa itu sendiri. Penggunaan batu granit sebagai alas arca selain daripada materialnya yang tahan dan mudah didapati iaitu berada berhampiran dengan sumber air (sungai) juga difikirkan berperanan sebagai perantaraan suci (batu diambil dari sungai dan sungai merupakan perlambangan daripada Sungai Gangga yang mengalir dari syurga) di mana arca dewa adalah objek yang menjadi tumpuan para penganut serta kesucian pada sesebuah candi. Sekiranya diperhatikan pada perletakan arca di dalam sesebuah candi ianya dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu arca yang ditempatkan pada halaman *vimana* yang di tengah dan keduanya arca yang ditempatkan pada bahagian-bahagian penjuru ataupun hadapan daripada bangunan sesebuah bangunan candi.

3.6.1 Asas Pelapik Arca Candi Tapak 49 (Telaga Sembilan)

Asas pelapik arca di tapak ini mempunyai bentuk yang menarik kerana mempunyai hiasan seperti bunga teratai. Sementara pada bahagian atasnya terdapat bonjolan yang menegak diduga sebagai tempat untuk meletakkan arca. Berdasarkan kepada bentuknya arca tersebut merupakan arca yang sederhana besarnya. Walau bagaimanapun di Tapak 49 tidak ditemui arca keagamaan. Secara deskriptifnya sekeliling batuan tersebut dipahat dengan bentuk bulat sementara pada bahagian tepinya dipahat dengan ukiran berbentuk suluran bunga seperti teratai dengan setiap daripada pemisahnya dipahat dengan garisan berbentuk garis dua sebagai perlambangan untuk memisahkan di antara satu kelopak teratai dengan kelopak lainnya dan ukuran ketinggiannya adalah 23 cm.⁷²

⁷² Lihat foto 35.

Secara keseluruhannya terdapat lapan kelopak teratai yang dipahat pada batuan tersebut.

Bentuk kedua asas pelapik arca yang terdapat di Tapak 49 juga diperbuat daripada batu granit. Ianya dipahat dengan bentuk persegi empat dengan bahagian dasarnya lebih melebar berbanding dengan bahagian di atasnya. Di antara bahagian dasar ke bahagian permukaan dipahat dengan tiga teres dan berbentuk seperti tangga dan di bahagian permukaannya dipahat garisan berbentuk persegi empat dengan mengelilingi setiap penjuru dengan ukuran 124 cm x 124 cm.⁷³ Pada salah satu daripada bahagian tersebut di bahagian tengahnya terdapat kesan pahatan seperti untuk mengalirkan air. Berdasarkan kepada kesan pahatan lainnya pada asas pelapik arca ini menunjukkan ianya dipahat kepada dua bahagian di mana pada bahagian tengahnya terdapat kesan pahatan seperti dipasak dengan berbentuk bertangga. Kesan ini menunjukkan arca yang dipasang merupakan arca yang besar (berdasarkan kepada saiz asas pelapik arca tersebut) dan dapat ditukar ganti apabila diperlukan. Di bahagian tengah pada bahagian permukaannya dipahat dengan bentuk bunga teratai dengan empat lingkaran yang berombak.

Berdasarkan kepada asas pelapik arca tersebut diduga ianya merupakan asas untuk memandikan arca . Sewaktu upacara pemandian arca dilakukan air tersebut akan bertakung pada penahan yang dipahat mengelilingi keempat-empat penjuru asas pelapik arca tersebut dan dialirkan kepada saluran kecil yang dibentuk pada salah satu daripada penjuru di bahagian permukaan asas pelapik arca tersebut.

⁷³ Lihat foto 36.

3.6.2 Asas Pelapik Arca Candi Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam)

Asas pelapik arca yang ditemui di tapak ini berjumlah dua. Asas pelapik arca pertama mempunyai bahagian yang melebar pada bahagian permukaannya dan membentuk bentuk “ U ” pada bahagian bawah sebelum kembali dipahat dengan agak lebar sedikit daripada bahagian kakinya.⁷⁴ Keadaan ini menggambarkan seolah-olah ianya merupakan seperti mangkuk ataupun piala dan asas pelapik arca ini mempunyai ukuran tinggi 35 cm. Pada bahagian permukaannya dipahat dengan bentuk yang membulat serta dibuatkan lingkaran tiga berbentuk geometris. Secara keseluruhannya asas pelapik arca ini digunakan untuk meletakkan arca yang kecil dan bukannya bersifat tetap. Asas pelapik arca ini diperbuat daripada batu granit.

Asas pelapik arca kedua yang telah ditemui di tapak ini mempunyai bonjolan pada bahagian permukaannya. Asas pelapik arca ini dipahat dengan bentuk bulat dan mempunyai bahagian dasar yang juga berbentuk bulat. Pada sebahagian para sarjana berpendapat ianya merupakan sebahagian daripada bentuk *lingga*, tetapi berdasarkan bentuk dengan bekas bonjolan pada bahagian permukaan dan juga pahatan keseluruhan batuan asas pelapik arca ini yang berbentuk bulat menunjukkan seolah-olah ianya berperanan sebagai penunjang kepada beban yang diletakkan di atas permukaannya.

Kesan pahatan pada bahagian permukaan batu ini juga mempunyai kesamaan dengan bonjolan yang terdapat pada asas pelapik arca yang ditemui pada Tapak 49. Berdasarkan kepada saiz asas pelapik arca ini diduga arca yang ditempatkan di atasnya merupakan arca yang kecil.⁷⁵ Asas pelapik arca ini mempunyai ketinggian sekitar 25 cm. Seperti asas pelapik arca yang ditemui di

⁷⁴ Lihat foto 37.

⁷⁵ Lihat foto 38.

sekitar Lembah Bujang, asas pelapik arca di Tapak 50 yang sedang dibahas ini juga diperbuat daripada batu granit.

3.6.3 Asas Pelapik Arca Candi Tapak 24

Asas pelapik arca yang telah ditemui di Tapak 24 (sekitar Tikam Batu) diperbuat daripada batu granit. Asas pelapik arca yang ditemui di tapak ini mempunyai kesan pahatan berhias. Pada bahagian dasar daripada asas pelapik arca ini mempunyai hiasan yang menyerupai bahagian kaki candi. Ianya berbentuk persegi empat dan sekarang ditempatkan pada halaman Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Pada bahagian tengah permukaannya dipahat dengan bentuk lapan lingkaran berbentuk persegi empat panjang dan saling dipahat berselang tinggi dan rendah. Secara keseluruhan asas pelapik arca ini mempunyai ukuran 88 cm x 87 cm dengan ketinggiannya adalah sekitar 47 cm. Pada bahagian dalamnya dipahat dengan bentuk lubang persegi empat yang dangkal kedalamannya.⁷⁶ Berdasarkan kepada kesan pahatan tersebut diduga ianya kemungkinan digunakan untuk menempatkan sebuah arca yang besar kerana bahagian yang dibuat lubang berbentuk persegi empat yang dangkal (berjumlah empat) di dalam bahagian tengah permukaannya diduga berperanan sebagai pasak untuk mencengkam bahagian dasar arca yang ditempatkan di atasnya. Asas pelapik arca ini pada awal kajian oleh para sarjana berpendapat ianya adalah sebagai tempat tiang bendera Raja Bersiong.

3.7 Artifak Yang Berkaitan Dengan Unsur Keagamaan

⁷⁶ Lihat foto 39.

3.7.1 *Lingga*

Lingga adalah salah satu daripada objek pemujaan yang dilakukan oleh pengikut aliran Siwa. Kelazimannya *lingga* dipadankan dengan *yoni* dan ianya berperanan sebagai perlambangan kepada unsur kemakmuran, kesejahteraan dan juga kesuburan. *Lingga* ditempatkan pada halaman tengah daripada halaman *vimana*. *Lingga* sebenarnya merupakan perlambangan kepada dewa Siwa. Di Lembah Bujang *lingga* yang ditemui diperbuat daripada batu granit kecuali di Candi Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) di mana *lingga* dibentuk di atas kepingan emas. Secara umum *lingga* dapat dibahagikan kepada dua kategori :

- i) *Chala-lingga*
- ii) *Achala-lingga*

Chala-lingga merupakan *lingga* yang dapat dipindahkan daripada suatu tempat ke tempat lainnya. Sementara *Achala-lingga* merupakan *lingga* yang tidak dapat dipindahkan daripada satu tempat ke tempat lainnya. Berdasarkan kepada bentuk *lingga* seseorang itu dapat melihat sama ada *lingga* tersebut ditujukan kepada satu dewa ataupun pergabungan di antara tiga dewa yang dikenali sebagai *Trimurthi*. *Lingga* yang mempunyai bentuk bulat kebiasaannya melambangkan kepada dewa Siwa dan disembah oleh golongan *resi* (*brahman*) dan *lingga* ini dikenali sebagai *Puja-lingga*. *Lingga* yang diwujudkan dengan pergabungan di antara dewa *Trimurthi* mempunyai bentuk yang berlainan dengan *lingga* yang diwujudkan sebagai perlambangan untuk dewa Siwa. *Lingga* untuk dewa *Trimurthi* mempunyai tiga bahagian yang berbeza dan mempunyai bentuk yang berbeza pula. Bahagian dasar daripada *lingga* ini kebiasaannya mempunyai bentuk *Wisnu-bhaga* (berbentuk persegi lapan) dan ditujukan kepada dewa *Wisnu* sementara bahagian tengahnya mempunyai bentuk *Brahma-bhaga* (berbentuk segi empat) dan ditujukan kepada dewa *Brahma* dan bahagian yang paling atas mempunyai bentuk bulat yang dikenali sebagai *Rudra-bhaga*. *Lingga*

yang bercirikan kepada perwujudan ketiga-tiga dewa ini paling kerap disembah oleh semua lapisan masyarakat Hindu.

Chala-lingga kebiasaannya diperbuat daripada bahan tanah liat, kayu, nasi, besi, logam dan juga emas. Bahkan terdapat juga *lingga* yang diperbuat daripada najis lembu. Setiap daripada bahan pembuatan *lingga* tersebut mempunyai kepentingan dan juga maksud tertentu untuk upacara keagamaan di dalam ajaran Hindu.

- i) *Lingga* yang diperbuat daripada tanah liat kebiasaannya dipuja dengan maksud untuk mendapat mendatangkan hasil pertanian yang melimpah ruah.
- ii)*Lingga* yang diperbuat daripada nasi kebiasaannya dipuja dengan maksud untuk mendapatkan makanan (rezeki) yang melimpah ruah.
- iii)*Lingga* yang diperbuat daripada emas kebiasaannya dipuja dengan maksud untuk mendapatkan (mendatangkan) kekayaan.
- iv)*Lingga* yang diperbuat daripada bunga kebiasaannya dipuja dengan maksud untuk memohon diperpanjangkan usia.
- v) *Lingga* yang diperbuat daripada najis lembu pula kebiasaannya dipuja dengan maksud untuk menghindari penyakit biasa ataupun merbahaya.⁷⁷

Achala-lingga pula berdasarkan kepada kitab *Manasara*⁷⁸ dapat dibahagikan kepada empat kategori utama :

- i) *Uttamottama* iaitu *lingga* yang juga dikenali dengan nama *Svayambhuva*. Ianya merupakan *lingga* yang terjadi dengan sendiri tanpa diketahui siapa pembuatannya. *Lingga* ini merupakan *lingga* yang paling suci berbanding dengan *lingga* lainnya.

⁷⁷ B.C. Sinha, *Hinduism and symbol worship*, Delhi : Agam Kala Prakashan, 1983, hlm. 105.

⁷⁸ *Manasara* merupakan di antara kitab-kitab yang ada hubungannya dengan kepercayaan Hindu.

ii) *Uttamamadhyama*. Ianya masih lagi dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- *Daivata-lingga* (dipuja oleh golongan dewa)
- *Ganapatya-lingga* (dipuja oleh golongan Gana).⁷⁹

Kedua-dua *lingga* kategori ini tidak mempunyai bahagian *Wisnu-bhaga* ataupun bahagian *Brahma-bhaga* tetapi hanya mempunyai bahagian *Rudra-bhaga* sahaja. Sementara bahagian garisan *Brahma-sutra* tidak kelihatan.

iii) *Uttamadhama*. *Lingga* jenis ini dapat dikategorikan kepada 3 berdasarkan kepada pendukung / golongan yang menyembahnya.

- Pertama adalah *Asura-lingga* dan ianya disembah oleh golongan *Asura*.
- Kedua adalah *Sura-lingga* dan ianya disembah oleh golongan *Sura*.
- Ketiga adalah *Archa-lingga* dan ianya disembah oleh golongan *resi*. *Archa-lingga* tidak mempunyai garis *Brahma-sutra* tetapi hanya mempunyai bahagian *Rudra-bhaga*.

iv) *Madhyamadhma*. Ianya terdiri daripada satu jenis *lingga* sahaja dan lebih dikenali juga sebagai *Manusha-lingga*. Ciri *Manusha-lingga* terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu *Brahma-bhaga* (berbentuk persegi empat) *Wisnu-bhaga* (berbentuk persegi lapan) dan *Rudra-bhaga* (berbentuk bulat). Sementara pada bahagian *Rudra-bhaga* kebiasaannya terdapat garis *Brahma-sutra*.

Perkembangan kepada pemujaan terhadap *lingga* ini dapat diperhatikan

⁷⁹ van Lohuizen-De Leeuw, *op.cit.*, hlm. 88 - 89.

berdasarkan kepada *Lingodbhava-Murti*.⁸⁰ Pada suatu ketika telah terjadi pertengkaran di antara dewa Brahma dan juga dewa Wisnu. Sewaktu pertengkaran tersebut dewa Siwa telah menjelaskan dirinya kepada bentuk *lingga*. Sehubungan dengan hal tersebut dewa Brahma dan juga dewa Wisnu telah bersetuju untuk menyentuh sama ada bahagian hujung ataupun pangkal *lingga* berkenaan untuk menyelesaikan pertelingkahan di antara mereka berdua. Dewa Wisnu telah menjelma sebagai babi hutan dan menyelam ke bahagian dasar sementara dewa Brahma telah menjelaskan dirinya sebagai burung angsa dan terbang ke bahagian atas untuk mencapai bahagian puncak *lingga* tersebut. Malangnya kedua-dua dewa berkenaan telah gagal untuk mencapai bahagian puncak dan juga bahagian dasar *lingga* tersebut dan akhirnya dewa Siwa telah menjelaskan dirinya sehingga dewa Wisnu dan juga dewa Brahma sujud kepadanya.

Peranan *lingga* dimaksudkan sebagai tanda perlambangan kepada dewa Siwa yang tidak dapat digambarkan kehebatannya sebagai dewa pemusnah sehingga bentuk *lingga* tersebut juga melambang kepada dewa Siwa yang tidak tergambar bentuk dan kekuasaannya. Alasan tersebut telah menolak pendapat klasik yang mengatakan *lingga* adalah perlambangan kepada organ seks. Sungguhpun demikian seks pada masyarakat Hindu merupakan sesuatu yang suci dan bukannya berunsur porno.

3.7.2 Artifak *Lingga* Yang Ditemui Di Lembah Bujang

Sebanyak 10 buah *lingga* telah ditemui di Lembah Bujang dan secara keseluruhannya terdapat di Tapak 8 (Candi Bukit Batu Pahat), Tapak 4 (Candi Sungai Batu), Tapak 19 (Candi Kampung Pengkalan Bujang) dan Tapak 50 (Candi Kampung Bendang Dalam). *Lingga* yang telah ditemui di Tapak 8

⁸⁰ *Lingodbhava-murti* mengisahkan mengenai asal-usul kewujudan pemujaan terhadap *lingga*. *Ibid.*, hlm. 153.

keseluruhannya berjumlah sekitar 6 keping dan kesemuanya telah ditemui di dalam relikuari. Keenam-enam *lingga* ini diperbuat daripada kepingan emas. Di Tapak 4 pula sebanyak dua buah *lingga* telah ditemui di Tapak 4 dengan berjumlah 2 buah. *Lingga* di tapak ini mempunyai dua bentuk yang agak berbeza di antara satu sama lainnya dan kedua-duanya diperbuat daripada batu granit. Sementara di Tapak 50 dan Tapak 19 dijumpai sebuah *lingga* pada setiap tapak berkenaan serta mempunyai bentuk yang agak berbeza berbanding dengan *lingga* yang telah ditemui pada tapak sebelumnya. Kewujudan *lingga* dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama *lingga* yang dipuja dengan berdiri sendiri dan keduanya adalah *lingga* yang dipasangkan bersama-sama dengan *yoni*.

3.7.3 *Lingga* Tapak 8 (Bukit Batu Pahat)

Lingga yang ditemui di tapak ini mempunyai tiga bentuk yang berasingan. Pertama adalah *lingga* yang berbentuk bulat dan pada bahagian dasarnya di buat lebih melebar. Berdasarkan kepada bentuknya *lingga* ini hanyalah mempunyai dua bahagian utama yang dapat dilihat iaitu *Rudra-bhaga* dan juga *Visnu-bhaga*. Walau bagaimanapun bahagian *Brahma-bhaga* tidak diukir secara jelas kemungkinan disebabkan ianya hanyalah di dalam bentuk kepingan sehingga dipahat berbentuk “ *Stylizes* ”. *Lingga* ini sebenarnya masih mempunyai bahagian *Brahma-bhaga* yang diukir secara tidak langsung dengan garisan kembar pada bahagian tengah daripada *lingga* tersebut. Pembahagian garisan tengah tersebut dapat dianggap sebagai penggambaran bahagian *Brahma-bhaga* yang tidak dapat diukir di atas kepingan emas. Sementara pemisahan di antara bahagian *Rudra-bhaga* dan juga bahagian *Visnu-bhaga* diukir berdasarkan kepada bentuk pahatan tiga segi yang terdapat pada bahagian bawah *lingga* berkenaan.⁸¹

Lingga kedua di Tapak 8 mempunyai bahagian *Rudra-bhaga* dengan bentuk yang membulat pada bahagian atasnya dan pada bahagian bawahnya

⁸¹ Lihat foto 42 (Artifak baris bawah no. 1 dan 2 dari kiri ke kanan).

diukir dengan lebih melebar sedikit . Bahagian *Brahma-bhaga* pula dipisahkan daripada bahagian *Rudra-bhaga* berdasarkan kepada potongan bahagian yang berbentuk persegi tiga yang terdapat pada bahagian tepi (bahagian bawah) daripada *lingga* tersebut. Suatu hal yang dapat dilihat pada *lingga* ini adalah tiadanya garis tengah yang diduga sebagai *Brahma-bhaga* seperti *lingga* pertama pada Tapak 8 kerana bahagian *Visnu-bhaga* tidak digambarkan. Berbeza dengan *lingga* Tapak 8 bahagian pertama yang telah dihuraikan di atas di mana ianya mempunyai bahagian *Rudra-bhaga*, bahagian *Brahma-bhaga* yang dibuat potongan tiga segi pada bahagian tepi bawah daripada *lingga* berkenaan dan bahagian *Visnu-bhaga* yang dibentuk dengan garis berkembar dua mulai daripada bahagian tengah *Rudra-bhaga* ke bahagian tengah *Brahma-bhaga*.⁸² Tetapi pada *lingga* kategori kedua di Tapak 8 hanyalah mempunyai *Rudra-bhaga* dan juga *Brahma-bhaga* tanpa bahagian *Visnu-bhaga*.

Lingga kategori ketiga yang dijumpai di Tapak 8 adalah merupakan *lingga* yang juga diukir daripada kepingan emas dan berbentuk separuh bulatan. Apa yang menarik pada *lingga* ini pada bahagian tengah permukaannya diukir dengan ukiran garis melengkung sementara pada bahagian kiri dan kanan diukir dengan bulatan dan di bahagian tengahnya dibuat garis yang meruncing dan memblok ke kiri. Sebahagian sarjana berpendapat garis ukiran yang terdapat pada *lingga* ini kemungkinan sebagai perlambangan kepada dewa Ganesha. Tetapi berdasarkan kepada bentuk ukiran dan hubung kaitnya dengan *lingga* adalah diduga ukiran berkenaan adalah sebagai perlambangan kepada bahagian *Rudra-bhaga* dengan bentuk yang sedia ada, bahagian *Visnu-bhaga* diukir dengan bentuk separuh bulatan pada bahagian bawah dan bahagian *Brahma-bhaga* digambarkan berdasarkan kepada garis meruncing yang juga diduga sebagai *Brahma-sutra*.⁸³ Seperti halnya dengan bentuk *lingga* lainnya yang diukir / pahat di atas kepingan

⁸² Lihat foto 42 (Artifak baris bawah no. 3 dari kiri).

⁸³ Lihat foto 42 (Ketiga-tiga artifak baris atas).

emas adalah tidak memungkinkan untuk membuat pahatan ataupun ukiran dengan jelas melainkan dibuat berdasarkan kepada bentuk-bentuk simbol sahaja. Ukiran simbol yang diukir diduga sebagai memperjelaskan lagi kepada bentuk *lingga* yang sedia ada diukir.

3.7.4 *Lingga* Tapak 4 (Estet Sungai Batu)

Lingga yang ditemui di Tapak 4 dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertamanya adalah *lingga* yang mempunyai bentuk *Rudra-bhaga* pada bahagian atasnya sementara pada bahagian dasarnya terdapat garis yang menyerupai *Brahma-sutra*. Berdasarkan kepada kesan pahatannya yang agak kasar pada bahagian bawahnya diduga bahagian *Brahma-bhaga*⁸⁴ tidak dipahat sebaliknya ditinggal begitu sahaja. Bentuk *lingga* ini menyerupai kepada *linggapuja* iaitu anutan kepada masyarakat Hindu yang menyembah *lingga* sebagai penghormatan kepada dewa Siwa.

Lingga kedua yang ditemui di Tapak 4 juga diperbuat daripada batu granit. *Lingga* ini mempunyai bentuk yang membulat bermula daripada bahagian atasnya sehinggalah ke bahagian bawahnya (hanya bahagian *Rudra-bhaga*) sementara bahagian *Visnu-bhaga*, *Brahma-bhaga* dan juga *Brahma-sutra* tidak kelihatan sama sekali.⁸⁵ Berdasarkan kepada bentuknya adalah diduga ianya digunakan oleh penganut aliran Siwa yang mengamalkan pemujaan *linggapuja*.⁸⁶ *Lingga* ini mempunyai ukuran 42 cm.

⁸⁴ Lihat foto 49

⁸⁵ Lihat foto 50

⁸⁶ *Ibid.*, hlm. 153.

3.7.5 Lingga Tapak 19 (Kampung Pengkalan Bujang)

Lingga yang ditemui di Tapak 19 mempunyai ciri pergabungan di antara dewa *Trimurti*. *Lingga* ini pada bahagian dasarnya berbentuk persegi empat (*Brahma-bhaga*), pada bahagian tengahnya berbentuk persegi lapan (*Visnu-bhaga*) sementara pada bahagian atasnya tidak kelihatan kerana terdapat kesan patahan.⁸⁷ Diduga berdasarkan bentuk *lingga* berkenaan pada bahagian yang paling atas sekali adalah berbentuk bulat (*Rudra-bhaga*). Keadaan ini juga merupakan perlambangan unsur waktu yang dimiliki oleh ketiga-tiga dewa *Trimurti* (dewa Brahma sebagai dewa pencipta diletakkan pada bahagian dasar, dewa Wisnu sebagai dewa pemelihara diletakkan pada urutan kedua dan juga dewa Siwa sebagai dewa pemusnah diletakkan sebagai dewa yang tertinggi di antara dewa-dewa sebelumnya).

“ ... As the legend goes, once Brahma and Visnu were involved in a heated discussion regarding their supremacy over the other. Suddenly Siva appeared before them as a blazing pillar of immeasurable size to subdue them. Being amazed, both the gods wanted to know the beginning and of this column. Brahma became a swan and flew upwards and Visnu transformed himself into a boar to see its base. When both were not able to reach its limit, they felt subdued and offered their prayers to the pillar... ”⁸⁸

Keterangan kutipan di atas jelas menunjukkan bagaimana dewa Siwa telah diakui sebagai dewa yang tertinggi di antara dewa Wisnu dan dewa Brahma sehingga sanggup untuk menyembah dewa Siwa yang telah mengujudkan diri sebagai *pillar*. Bahkan kewujudan dewa Siwa dapat dalam berbagai bentuk dan di antaranya adalah yang dikenali sebagai *lingga*.

⁸⁷ Lihat foto 51.

⁸⁸ B.C. Sinha, *op.cit.*, hlm. 105.

3.7.6 Lingga Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam)

Di Tapak 50, sebahagian daripada para ahli berpendapat ianya adalah sebagai *lingga*. Berdasarkan kepada bentuknya yang agak kecil dengan terdapatnya bahagian kaki pada bahagian dasarnya serta pada bahagian atasnya terdapat bentuk membulat yang ditonjolkan dan diduga ianya adalah sebagai tempat untuk menyokong objek yang diletakkan di atasnya. Berdasarkan kepada hal tersebut diduga bentuk *lingga* yang dimaksudkan sebenarnya lebih cenderung sebagai sebuah *padma*. Tetapi jika dianalisis dengan lebih berhati-hati didapati bahagian atasnya yang membojol bulat kecil mempunyai persamaan seperti *Rudra-bhaga* sementara bahagian tengahnya yang membulat seperti perlambangan kepada sebuah *yoni* ianya mempunyai ketinggian sekitar 25 cm.⁸⁹ Sehubungan dengan hal tersebut kemungkinan juga ianya adalah pergabungan di antara *lingga* dan juga *yoni* yang dipahat sebagai bentuk *padma*.

3.7.7 Lingga Yang Dijumpai Sewaktu Survei Di Kampung Permatang Pasir

Sementara itu terdapat sebuah *lingga* yang telah dijumpai di permukaan hasil daripada kegiatan survei yang telah dilakukan oleh penulis pada 29 hb. April 1997 di Kampung Permatang Pasir. Hasil daripada kegiatan survei tersebut telah dijumpai sebuah *lingga* yang diperbuat daripada batu granit. *Lingga* ini ditemui sekitar 70 meter daripada Candi Tapak 31 (Kampung Permatang Pasir). Berdasarkan kepada pengamatan yang dilakukan terhadap *lingga* yang dijumpai ianya mempunyai ciri yang berbeza dengan *lingga* sebelumnya yang ditemukan di sekitar Lembah Bujang. Pada bahagian atasnya terdapat bentuk *Rudra-bhaga* sementara pada bahagian tengahnya terdapat garis *Brahma-sutra* dan di bahagian dasarnya bahagian yang membentuk *Brahma-bhaga* sementara pada bahagian belakangnya berbentuk mendatar. *Lingga* ini tiada mempunyai bahagian *Visnu*-

⁸⁹ Lihat foto 38.

bhaga. Berdasarkan kepada bentuknya diduga posisi *lingga* ini adalah di dalam keadaan bersandar ataupun ditempatkan di dalam *yoni* sebagai berpasangan.

Berdasarkan kepada bentuk *lingga* yang dijumpai di Lembah Bujang analisis yang dapat diperhatikan adalah berdasarkan kepada bentuknya seperti berikut :

- a) Pertama *lingga* yang mempunyai dua ciri iaitu *lingga* yang pada bahagian bawahnya terdapat bentuk yang dipahat dengan bentuk yang membulat berbanding dengan bahagian atasnya yang berbentuk memanjang. Kedua-dua bahagian berkenaan biasanya dipisahkan dengan bahagian *Brahma-sutra* Contoh *lingga* ini dapat diperhatikan pada temuan di Tapak 4.
- b) Kedua adalah *lingga* yang diukir di atas kepingan emas maupun logam. Pemerhatian terhadap *lingga* ini dapat dilihat pada Tapak 8 yang ditemui dalam relikuari.
- c) Ketiganya adalah *lingga* yang bergabung di antara dewa Trimurti. Sehubungan dengan hal tersebut bahagian *Brahma-bhaga* dan *Visnu-bhaga* jelas kelihatan seperti di Tapak 19. Walau bagaimanapun seperti yang telah diuraikan di atas bahagian *Rudra-bhaga* kemungkinan terletak pada bahagian yang paling atas sekali tetapi malangnya ianya tidak dijumpai.
- d) Keempatnya adalah *lingga* yang mempunyai ukuran dan juga saiz yang lebih kecil berbanding dengan *lingga* yang pernah ditemui di Lembah Bujang. Sementara bahagian *lingganya* dilambangkan dengan bentuk pahatan bonjolan sahaja.
- e) Kelimanya adalah yang bergabung dengan *yoni*. Sebagai contohnya *lingga* kategori ini dapat diperhatikan kepada temuan di Tapak 4 dan juga di Tapak 50. *Lingga* di Tapak 4 mempunyai bentuk yang membulat pada bahagian atas

dan juga bawahnya. Pada bahagian bawah *lingga* ini terdapat kesan seperti tahan seakan-akan untuk meletakkan *lingga* berkenaan pada suatu lubang agar ianya berdiri tegak. Di dalam hal ini diduga ianya sebenarnya berpasangan dengan *yoni*. Keduanya adalah *lingga* yang ditemui di Tapak 50. Bahagian tengah daripada batu granit tersebut terdapat bentuk membulat yang diduga adalah sebagai perlambangan kepada bentuk *yoni* sementara bahagian atasnya membulat dan seakan-akan berbentuk *Rudra-bhaga*. Sehubungan dengan hal tersebut diduga *lingga* dan *yoni* berkenaan dipahat bergabung dan dibuatkan berbentuk seperti *padma* agar ianya dapat berdiri sendiri.

3.8 *Yoni*

Yoni juga merupakan pelengkap kepada kewujudan *lingga*. Secara tidak langsung ianya memperkuatkan data bahawa di Lembah Bujang aliran Saiva telah bertapak dengan kukuh. Secara keseluruhannya di Lembah Bujang *yoni* berperanan sebagai pasangan kepada *lingga* dan perlambangan kepada unsur kesuburan dan kemakmuran. Walau bagaimanapun di kalangan para ahli sering berselisih pendapat berhubung dengan peranan *yoni*. Bentuk batu pelapik yang diletakkan pada bahagian bawah *lingga* bukan dianggap sebagai *yoni* tetapi sebaliknya sebagai saluran air untuk mengalirkan air ketika upacara pada *lingga* dilakukan dan air yang dialirkan akan jatuh pada saluran air yang berada di bawahnya.

*“... In the large form the yoni is shaped in such manner
that it draws off the water is poured over the lingga.
Many Hindus therefore deny that it is a yoni- symbol
and assert that it is only an outflow receptacle ”⁹⁰*

Walau bagaimanapun *yoni* kebiasaannya merupakan batu pelapik yang berbentuk persegi empat yang dipasangkan sebagai pasangan kepada *lingga*

⁹⁰ *Ibid.*, hlm. 153.

sebenarnya dapat diertikan sebagai *yoni* yang berperanan sebagai tempat tадahan pertama air yang membasahi *lingga* sebelum dialirkan kepada *somasutra*. Bahkan jika diperhatikan secara umumnya *lingga* biasanya berpasangan dengan *yoni* dan air yang dialirkan tersebut diambil oleh para pengikut Hindu serta dianggap sebagai *amrta*. Jika *lingga* dianggap sebagai perwujudan daripada dewa Siwa, *yoni* pula merupakan perlambangan *sakthi* kepada dewa Siwa.

3.8.1 *Yoni* Yang Dijumpai Di Lembah Bujang

Yoni yang telah dijumpai di Lembah Bujang terdapat di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam), Tapak 4 , Tapak 5 (Estet Sungai Batu) dan di Tapak 49 (telaga Sembilan). Pembahasan *yoni* di sini hanya ditumpukan kepada bentuk dan juga perbezaannya di antara satu sama lain serta akan disentuh serba sedikit berhubung dengan penggunaannya yang sering dikaitkan dengan *lingga* sebagai salah satu daripada artifak keagamaan yang terletak pada halaman *vimana* pada sesebuah candi.

3.8.2 *Yoni* Yang Dijumpai Di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam)

Yoni yang ditemui di Tapak 50 mempunyai bentuk persegi empat dengan pada satu sisinya terdapat pahatan seperti muncung. Diduga ianya adalah berperanan sebagai tempat untuk mengalirkan air yang telah menakung pada permukaan *yoni* ke *somasutra* yang berada di bawahnya. Pada bahagian atas daripada permukaan *yoni* tersebut terdapat bahagian tepi yang ditinggikan mengelilingi sekitar permukaan *yoni* dan ianya diduga sebagai tempat untuk menakung air daripada terkeluar.⁹¹ Diduga juga pada bahagian atas permukaan *yoni* tersebut diletakkan dengan *lingga* untuk tujuan keagamaan. *Yoni* ini

⁹¹ Lihat foto 42.

mempunyai ketinggian 46 cm. *Yoni* yang terdapat di Tapak 50 agak menarik berbanding dengan *yoni* yang terdapat di tempat lain di Lembah Bujang.

- a) Pertama, *yoni* di Tapak 50 mempunyai hiasan pada bahagian tengah daripada bahagian kaki *yoni*. Pada bahagian tersebut terdapat bentuk persegi empat dengan jumlah enam pada kedua sisi *yoni* tersebut. Jika diperhatikan kepada kesan pahatan pada bahagian kaki *yoni* tersebut telah dipahat agak ramping sehingga ke bahagian tengah dan kemudiannya dilebarkan kembali sehingga ke bahagian dasar *yoni* berkenaan.
- b) Keduanya *yoni* di Tapak 50 lebih tinggi berbanding dengan *yoni* yang terdapat di tapak lainnya di Lembah Bujang, ketinggiannya adalah sekitar 46 cm. Sebahagian daripada ahli berpendapat *yoni* tersebut berperanan sebagai *somasutra* dan bukannya *yoni*, tetapi berdasarkan kepada bentuk serta *lingga* yang terdapat di Lembah Bujang kemungkinan terdapat juga *lingga* yang hanya diletakkan di atas permukaan *yoni* tersebut dan pada prinsipnya *yoni* tidak akan berdiri sendiri tanpa *lingga*. Pada bahagian hujung daripada *yoni* tersebut terdapat saluran air yang diduga untuk mengalirkan air, kebiasaannya upacara mencuci *lingga* menggunakan air dan kemudiannya air tersebut dialirkan kepada *somasutra* yang berada di bawahnya.

3.8.3 *Yoni* Yang Dijumpai Di Tapak 4 (Estet Sungai Batu)

Di Tapak 4, telah ditemui dua buah *yoni*. Para ahli yang pernah meneliti di tapak tersebut lebih cenderung menyatakan sebagai *snanadroni*. Kedua-dua *yoni* yang terdapat di Tapak 4 akan dikenali semasa pembahasan ini sebagai *yoni A* dan *yoni B*. *Yoni A* mempunyai ketinggian yang lebih tinggi berbanding dengan ketinggian yang dimiliki oleh *yoni B*. *Yoni A* walaupun mempunyai bentuk bahagian permukaan persegi empat tetapi pada sisi bahagian saluran air pada salah satu sisi *yoni* tersebut sahaja yang mempunyai bahagian tepi yang agak

dinggi sedikit sementara sisi lain yang mengelilingi *yoni* tersebut tidak terdapat dinding dan secara keseluruhannya *yoni* ini mempunyai ukuran 79 cm x 64 cm. Keadaan ini agak berbeza berbanding dengan *yoni B*, sekeliling permukaan *yoni* tersebut terdapat bahagian yang ditinggikan dan dapat dianggap sebagai dinding untuk menakung air dan ukurannya adalah sekitar 56 cm x 42 cm. Keduanya *yoni A* mempunyai lubang berbentuk persegi empat pada permukaan *yoni* tersebut.⁹² Diduga ianya digunakan untuk meletakkan arca *lingga* sementara pada *yoni B* pula tidak terdapat sebarang lubang pada permukaan atas *yoni*.⁹³ Kedua-dua *yoni* pada Tapak 4 diperbuat daripada batu granit.

3.8.4 *Yoni* Yang Dijumpai Di Tapak 5 (Estet Sungai Batu)

Yoni seterusnya adalah seperti yang telah ditemukan di Tapak 5, *yoni* di tapak ini juga diperbuat daripada batu granit. *Yoni* ini juga mempunyai bentuk persegi empat pada bahagian permukaannya dan juga pada sekeliling permukaannya terdapat dinding yang sengaja ditinggikan sebagai dinding dan berperanan sebagai penakung air.⁹⁴ *Yoni* ini berukuran 79 cm x 72 cm. Pada bahagian tengah daripada permukaan *yoni* tersebut terdapat bahagian yang ditonjol agak tinggi dan berbentuk bulat, diduga ianya adalah sebagai tempat untuk meletakkan objek tertentu, di dalam hal ini kemungkinan ianya adalah *lingga*. Walaupun para ahli cenderung mengatakan ianya adalah *snanadroni* tetapi berdasarkan kepada bentuknya lebih tepat jika istilah *yoni* digunakan sebagai pengganti istilah *snanadroni* kerana unsur *lingga* apabila bergabung dengan *yoni* maka upacara mensuci *lingga* kebiasaannya akan dilakukan dengan menggunakan air serta bersesuaian pula dengan perlambangan *lingga* sebagai alat kelamin lelaki sementara *yoni* adalah perlambangan kepada alat kelamin wanita.

⁹² Lihat foto 53.

⁹³ Lihat foto 54.

⁹⁴ Lihat foto 55.

Bahagian dasar daripada *yoni* tersebut dipahat mendatar.

3.8.5 *Yoni* Yang Dijumpai Di Tapak 49 (Telaga Sembilan)

Yoni yang akan dibahaskan di sini adalah seperti yang telah ditemui di Tapak 49. *Yoni* yang terdapat di tapak ini berbentuk kecil dengan ukurannya sekitar 65 cm x 45 cm. Pada bahagian sekeliling daripada permukaan *yoni* tersebut masih terdapat bahagian yang ditinggikan sehingga diduga ianya berperanan seperti *yoni* yang ditemui pada Tapak 4 dan Tapak 50 sebagai penakung air sewaktu upacara mensuci *lingga* dilakukan di atas *yoni* tersebut. Perbezaan yang terdapat pada *yoni* di Tapak 49 tidak ditemui kesan pahatan bahagian muncung melainkan kesan pahatan lekukan pada satu sisi daripada *yoni*⁹⁵ tersebut yang diduga sebagai tempat untuk mengalirkan air daripada permukaan *yoni*. Sehubungan dengan hal tersebut penulis berpendapat ianya kurang sesuai jika dikaitkan sebagai *yoni* memandangkan tiadanya bahagian muncung untuk mengalirkan air seperti pada *yoni* yang telah ditemui pada tapak yang telah dibahaskan di atas. Khusus untuk artifak di Tapak 49 ini penulis cenderung menyatakan sebagai *snanadroni* dan digunakan untuk tujuan keagamaan.

Berdasarkan kepada bentuk *yoni* yang terdapat di Lembah Bujang, pengamatan yang dapat dilakukan adalah berdasarkan kepada bentuk dan peranannya. Pertama bentuk *yoni* yang terdapat di Lembah Bujang secara kseluruhannya berbentuk persegi empat tetapi tidak kesemua daripada *yoni* tersebut mempunyai dinding yang mengelilingi permukaan *yoni* tersebut seperti *yoni* pada gambarfoto 53. Keduanya adalah pada bahagian permukaan *yoni* di Lembah Bujang dapat dibahagikan kepada lima kategori :

⁹⁵ Lihat foto 56.

- a) Pertama, *yoni* yang mempunyai lubang berbentuk persegi empat pada bahagian tengah permukaan *yoni* tersebut seperti pada gambarfoto 53.
- b) Kedua, permukaan *yoni* yang tidak mempunyai sebarang lubang seperti pada gambarfoto 52, 54 dan 55.
- c) Ketiga, adalah permukaan *yoni* yang mempunyai tonjolan pada bahagian tengahnya seperti yang telah ditemui (gambarfoto 54 dan 55).
- d) Keempatnya adalah *yoni* yang mempunyai lubang kecil pada bahagian tengah daripada permukaan *yoni* tersebut (gambarfoto 56).
- e) Kelimanya adalah terdapat juga *yoni* yang dijumpai di Lembah Bujang juga terdapat yang mempunyai ketinggian yang lebih tinggi berbanding dengan *yoni* di tapak lain. Sebagai contohnya *yoni* di Tapak 50 mempunyai ketinggian sekitar 46 sm sementara *yoni* di Tapak 4 dan Tapak 49 tidak mempunyai ketinggian yang sedemikian rupa. Pada bahagian tengah daripada *yoni* di Tapak 50 juga mempunyai hiasan berbentuk persegi empat kecil berjumlah sekitar 6 buah pada sisinya dan juga mempunyai kesan pahatan yang meramping ke bahagian tengah dan seterusnya melebar ke bahagian bawah. Secara keseluruhannya *yoni* yang ditemui di Lembah Bujang mempunyai :
 - a) Bahagian muncung untuk mengalirkan air
 - b) Mempunyai kesan lekukan pada salah satu daripada bahagian sisinya tanpa mempunyai muncung.
 - c) Mempunyai kesan pahatan lubang pada bahagian tengahnya.

d) Tanpa mempunyai kesan pahatan lubang pada bahagian tengahnya. Berdasarkan kepada hal tersebut kemungkinan besar *yoni* ini berperanan sebagai tempat untuk diletakkan arca semasa upacara memandikan arca ataupun *lingga* dilakukan.

Sementara untuk artifak yang menyerupai *yoni* pada Tapak 49 pada pendapat penulis kurang sesuai untuk dinyatakan sebagai *yoni* tetapi lebih cenderung untuk dinyatakan sebagai *snanadroni*.

3.9 Somasutra Yang Dijumpai Di Lembah Bujang

Di Lembah Bujang secara umumnya peninggalan *somasutra* yang telah ditemui adalah berjumlah sekitar 14 buah. Pertamanya di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) *somasutra* ini mempunyai panjang sekitar 87 sm dan diperbuat daripada batu *granit*. Pada bahagian tengah daripada *somasutra* tersebut terdapat saluran yang dibentuk dengan persegi empat dan ianya diduga digunakan sebagai tempat untuk mengalirkan air daripada *yoni*.⁹⁶

Somasutra keduanya adalah yang telah ditemui di Tapak 5 (Estet Sungai Batu) dan panjangnya adalah sekitar 69 cm. *Somasutra* tersebut juga adalah sama seperti *somasutra* di Tapak 50 (Kampung Bendang Dalam) dan mempunyai bahagian tengah yang berbentuk persegi empat.⁹⁷ Hanya sebuah *somasutra* sahaja yang ditemui di tapak ini. Suatu hal yang amat menarik pada salah satu daripada bahagian *somasutra* tersebut terdapat kesan pahatan berupa seakan-akan sambungan kepada bahagian *somasutra* lainnya.

Somasutra ketiga yang telah ditemui di Lembah Bujang adalah di Tapak 4 dengan jumlah jumpaan berjumlah tiga buah. Ketiga-tiga *somasutra* tersebut

⁹⁶ Lihat foto 57.

⁹⁷ Lihat foto 55.

masih mempunyai bentuk persegi empat pada bahagian tengahnya. Ketiga-tiga *somasutra* tersebut diperbuat daripada batu granit dengan ukuran setiap satunya adalah 45 cm, 47 cm dan 51 cm.⁹⁸

Sementara *somasutra* keempat di Lembah Bujang telah ditemui di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat). Pada tapak ini terdapat sekitar 8 buah *somasutra* yang telah disusun selari dan bersambungan di antara satu sama lain.⁹⁹ Berbanding dengan *somasutra* yang telah dibahas sebelumnya , *somasutra* di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) kelihatan lebih bagus buatannya. *Somasutra* di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) ini diperbuat daripada batu granit serta mempunyai kesan pahatan seperti pasak dengan tujuan utamanya adalah untuk menguatkan lagi ikatan di antara setiap bahagian *somasutra* tersebut dan secara keseluruhannya kelapan-lapan *somasutra* di Tapak 8 (Bukit Batu Pahat) setelah disambung mempunyai ukuran panjang keseluruhannya 265 cm.

Berdasarkan kepada peranan *somasutra* di Lembah Bujang diduga ianya bertujuan untuk mengalirkan air daripada *yoni* sesuai dengan bentuknya seperti sistem saliran air. Secara umumnya keseluruhan bentuk *somasutra* di Lembah Bujang mempunyai bentuk yang hampir sama di antara satu sama lainnya. Secara umumnya juga *somasutra* ini tidak semestinya wujud apabila *yoni* dan *lingga* yang terdapat pada sesebuah candi tetapi diduga *somasutra* ini merupakan *komponen* terpenting yang wujud pada sesebuah candi dan berperanan digunakan mengalirkan air sewaktu mencuci candi dilakukan.

⁹⁸ Lihat foto 58.

⁹⁹ Lihat foto 59.